

Received: 20 November 2020; Accepted: 19 December 2020

Khitab Adhab Muhin dan Rahsia Penggunaanya dalam al-Quran

Hana Sofia binti Hakimiesa¹ & Mohd Nazri bin Ahmad (Corresponding author)²Email: ¹p103808@siswa.ukm.edu.my & ²m.nazri6030@gmail.com¹Calon sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM²Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Abstrak

Azab dinyatakan dengan pelbagai sifat dalam al-Qur'an. Ia mengandungi rahsia yang perlu disingkap supaya al-Qur'an dapat ditadabbur dengan cara yang sempurna. Artikel ini akan memfokuskan pada *al-adhab al-muhin* dalam al-Qur'an dengan memberi tumpuan kepada kekerapan penggunaan dan *khitab* ayat azab tersebut. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dalam kitab-kitab tafsir. Data akan dianalisis secara induktif bagi mengeluarkan satu kesimpulan umum tentang sebab penggunaan *adhab muhin* dalam al-Qur'an. Hasil kajian mendapati bahawa *adhab muhin* yang menggunakan lafaz *ma'rifah* tidak menunjukkan kepada azab Allah yang menghinakan. Manakala *adhab muhin* yang menggunakan lafaz *nakirah* menunjukkan kepada azab Allah yang menghinakan yang digunakan pada orang kafir disebabkan perbuatan-perbuatan hina yang dilakukan oleh mereka semasa di dunia.

Kata Kunci: Sifat Azab, *Adhab Muhin*, *Nakirah* dan *Ma'rifah*, *Orang Kafir*

Khitab Adhab Muhin and the Secret of It's Usage in the Qur'an.

Abstract

Torment is expressed with various attributes in the Qur'an. It contains underlying messages that need to be uncovered so that the Qur'an can be translated and *tadabbur* properly. This article unfolds on *adhab muhin* in the Quran by focusing on the frequency usage of the words and the *khitab* of the verses. This study uses qualitative methods with content analysis design in the books of tafsir. The data will be analyzed inductively to produce a general conclusion on the reason of the usage of *adhab muhin* in the Quran. The results of the study found that *adhab muhin* that is in the state of *ma'rifah* does not indicate the humiliating punishment of Allah. While *adhab muhin* that is in *nakirah* state indicates the torment of Allah for the infidels due to the disgraceful acts they committed in the world.

Keywords: *Types of Torments*, *Adhab Muhin*, *Nakirah* and *Ma'rifah*, *Infidels*

1. Pengenalan

Al-Qur'an merupakan kalam Allah Ta'ala yang amat sempurna. Ia disusun dengan gaya bahasa yang maha indah hingga melemahkan pencabar-pencabar dari kalangan sasterawan Quraysh di zaman kegemilangan pendeklamasian puisi dan sajak. Mereka telah gagal menandinginya walaupun dicabar untuk mengemukakan surah yang paling pendek. Lafaz-lafaz di dalam al-Qur'an mempunyai maksud yang amat mendalam. Tidak ada manusia yang mampu memahami keseluruhan maksud-maksud lafaz al-Qur'an kecuali Nabi SAW yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mentafsirkan al-Qur'an dan menerangkannya kepada manusia.

Antara ungkapan yang menyimpan banyak rahsia di dalam al-Qur'an ialah lafaz azab. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan sifat yang disandarkan kepadanya juga mengandungi maksud yang tersirat di sebalik penggunaannya. Terdapat 19 sifat yang didampingkan bersama perkataan azab dalam al-Qur'an. Antara sifat yang digandingkan dengan perkataan azab ialah sifat *al-muhin*. Lafaz *al-muhin* merupakan *isim fa'il* daripada lafaz أهان – يُهين yang bermaksud meremehkan, mengambil ringan dan menghinakan (Jubran 1992). Lafaz ini diambil dari kata dasar هون yang bermaksud kehinaan, kata lawan bagi mulia dan mudah

(Ibn Manzhur 1414H).

Meskipun lafaz ini adalah *ism fa'il*, ia bukan bermaksud azab itu yang menghinakan mereka, tetapi Allah yang menghina mereka dengan azab (Muhammad Alwan 2018). Oleh itu, artikel ini akan menganalisis maksud ungkapan *al-^oadhab al-muhin* bagi menyingkap rahsia penggunaannya dalam konteks ayat.

2. *Al-Adhab al-Muhin* di dalam al-Qur'an

Al-Adhab al-Muhin digandingkan di dalam al-Qur'an pada empat belas tempat iaitu dalam Surah al-Baqarah ayat 90, Surah Ali Imran ayat 178, Surah al-Nisa' ayat 14, 37, 102 dan 151, Surah al-Haj ayat 57, Surah Luqman ayat 6, Surah Saba' ayat 14, Surah al-Dukhan ayat 30, Surah Jathiyah ayat 9, Surah al-Mujadalah ayat 5 dan 16, Surah al-Ahzab ayat 57. Lapan daripadanya disebutkan dalam lafaz *rafa^e* iaitu عذاب مهين, empat daripadanya disebutkan dengan lafaz *nasab* iaitu عذابا مهينا dan dua lagi dalam lafaz *jar*. Lafaz-lafaz sifat azab ini diterbitkan daripada *wazan* أفعال yang *ism fa'il*nya ialah "muf'il", lalu ia menjadi ungkapan "muhin". Selain itu, kesemua lafaz ini dinyatakan dalam bentuk *nakirah* kecuali dua ayat yang menggunakan bentuk *ma^rrifah*.

Oleh itu, *adhab muhin* yang disebutkan dalam al-Qur'an boleh dibahagikan kepada dua bahagian secara umum. Pertama, azab yang disebutkan dalam bentuk *ma^rrifah* yang merupakan azab yang bukan dinisbahkan kepada azab Allah. Kedua, azab yang menggunakan bentuk *nakirah* dan kesemua *adhab muhin* yang menggunakan bentuk *nakirah* merupakan azab Allah yang menghinakan, ditujukan kepada orang kafir. Ciri-ciri orang kafir yang dikenakan dengan azab yang menghinakan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya. Seterusnya, orang kafir yang mempermainkan 'ayat' Allah. Akhirnya, orang kafir yang melakukan transaksi yang merugikan.

Bentuk *Ma^rrifah*

Azab yang disifatkan dengan *al-muhin* dengan menggunakan bentuk *ma^rrifah* terdapat pada dua tempat di dalam al-Qur'an. Kedua-duanya tidak berkaitan dengan azab Allah yang menghinakan. Ini dapat dilihat dalam ayat 14 Surah Saba' dan ayat 30 Surah al-Dukhan. Firman Allah SWT:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَى مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنْسَأَتَهُ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنَّ أَنْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ
الْعَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ ١٤

Maksudnya: Maka ketika Kami telah menetapkan kematian ke atasnya (Sulaiman), tidak ada yang menunjukkan kepada mereka kematiannya itu kecuali anai-anai yang memakan tongkatnya. Maka ketika dia telah tersungkur, tahulah jin itu bahawa jika mereka mengetahui yang ghaib tentu mereka tidak kekal dalam azab yang menghinakan.

Al-Adhab al-Muhin dalam ayat ini merupakan pekerjaan yang berat yang dilakukan oleh golongan jin kerana mereka menyangka Nabi Sulaiman AS masih hidup (Al-Razi 1981, Jalal al-Din al-Mahalli & Jalal al-Din al-Suyuthi t.th). Disifatkan azab dengan *muhin* kerana pekerjaan itu merupakan penghinaan terhadap mereka (Ibn Uthaimin, 1436H).

Seterusnya penggunaan lafaz azab dalam bentuk *ma^rrifah* di dalam Surah al-Dukhan ayat 30. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ نَجَّيْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ الْعَذَابِ الْمُهِينِ ٣٠

Maksudnya: Dan sesungguhnya, telah Kami selamatkan Bani Israel daripada seksaan yang hina.

Maksud azab dalam ayat ini ialah penyeksaan yang dilakukan oleh Fir'aun terhadap Bani Israil. Antara penyeksaannya ialah anak-anak lelaki dalam kalangan mereka dibunuh seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an. Firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Baqarah ayat 49:

وَإِذْ نَجَّيْنَاهُ مِنَ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ يُدَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٍ ٤٩

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Kami menyelamatkan kamu dari Fir'aun dan pengikut-pengikutnya. Mereka menimpakan azab seksaan yang sangat berat kepadamu. Mereka menyembelih anak-anak lelakimu dan membiarkan hidup anak-anak perempuanmu. Itulah ujian yang besar dari Tuhanmu.

Selain mereka juga dilelahkan dengan pekerjaan-pekerjaan yang berat (Al-Razi 1981, Abu Hayyan 1420H).

Seperti yang diketahui, *ma^crifah* merupakan kata nama yang menunjukkan kepada perkara yang spesifik (Fuad Ni^cmah t.th). Oleh itu, penggunaan bentuk *ma^crifah* adalah sesuai dengan konteks ayat-ayat ini yang menceritakan tentang azab atau penyiksaan yang spesifik iaitu masih boleh dibayangkan oleh akal. Hal ini dapat dilihat pada pekerjaan berat yang dilakukan oleh jin dan perbuatan Fir'aun terhadap Bani Israil.

Bentuk Nakirah

Kesemua ayat yang terdapat padanya azab yang menghinakan (*Adhab Muhin*) yang menggunakan bentuk *nakirah* menceritakan tentang azab Allah yang menghinakan yang ditujukan kepada orang kafir. Orang kafir ini termasuklah juga orang munafiq serta Yahudi dan Nasrani kerana mereka tidak menerima Islam sebagai agama yang benar dan berhak untuk dianuti. Kafir dita^crifkan sebagai meliputi dan menutupi (Ibn Faris 1979; al-Asfahani t.th.). Mereka digelar kafir kerana mereka telah menutupi kebenaran (Al-Samin al-Halabi 1996) yang sampai kepada mereka.

Manakala ciri-ciri orang kafir yang dikenakan dengan azab yang menghinakan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya. Seterusnya, orang kafir yang mempermainkan 'ayat' Allah. Akhirnya, orang kafir yang melakukan transaksi yang merugikan.

a. Orang Kafir yang Menentang Allah dan Rasul

Azab disifatkan dengan *muhin* ditujukan kepada orang kafir yang menentang Allah dan rasul pada empat tempat iaitu Surah al-Nisa' ayat 14 dan 151, Surah al-Mujadalah ayat 5 dan Surah al-Ahzab ayat 57. Tiga daripada ayat tersebut, menceritakan tentang orang kafir yang melampaui batasan atau had yang telah ditetapkan oleh Allah dan rasul. Manakala dalam ayat Surah al-Ahzab, menyebutkan mereka menentang dengan cara menyakiti Allah dan rasul-Nya.

Hudud adalah *jama^c* daripada perkataan had. Ianya merupakan *zorof makan* yang merupakan batasan penghalang antara satu tempat dengan tempat yang lain (Ibn Asyur 1984). Allah telah menetapkan batasan-batasan bagi orang yang beriman untuk dipatuhi. Dalam Surah al-Nisa' ayat 14, firman Allah SWT:

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُّهِينٌ ١٤

Maksudnya: Dan barangsiapa menderhakai Allah dan rasul-Nya dan melanggar batas-batas hukum-Nya, nescaya Allah memasukkannya ke dalam api neraka, dia kekal di dalamnya dan dia akan mendapat azab yang menghinakan.

Batasan yang dimaksudkan disini adalah apa yang digariskan dalam ayat 12 yang menyebutkan tentang pembahagian harta warisan (al-Tabari t.th; Abu al-Su^cud t.th). Seterusnya, ulama' mentakwilkan maksiat kepada Allah dan rasul dengan melanggar batasan-batasan lain yang telah digariskan (Ibn Asyur 1984). Malah dalam ayat ini, Allah menggunakan perkataan kekal dengan menggunakan isitilah خَالِدًا yang merupakan *sighah mufrad*. Ini adalah bagi menambah lagi kehinaan bagi mereka dengan kekal di dalam neraka secara bersendirian (Sya^crawi 1991).

Seterusnya, pada Surah al-Mujadalah ayat 5, firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادُّونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ كَيْتُوا كَمَا كُتِبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَفَدَّ أَنْزَلْنَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ٥

Maksudnya: Sesungguhnya mereka yang menentang (perintah) Allah dan rasul-Nya, mereka tetap akan mendapat kehinaan sebagaimana orang yang terdahulu dari mereka, kerana sesungguhnya Kami telah menurunkan keterangan-keterangan yang jelas nyata. Dan bagi orang kafir, disediakan azab seksa yang menghina.

Perkataan يُحَادُّونَ ni daripada perkataan had atau hudud (Ibn Asyur 1984). Oleh itu, mereka yang menentang batasan dan kewajipan yang digariskan oleh Allah serta menjadikan batasan selain dari batasan Allah akan diazab dengan azab yang menghinakan (al-Tabari t.th).

Seterusnya, dalam Surah al-Nisa' ayat 151, Allah SWT berfirman:

أُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا ١٥١

Maksudnya: Merekalah orang kafir yang sebenarnya. Dan Kami sediakan untuk orang kafir itu azab yang menghinakan.

Ayat ini merupakan rentetan dari ayat 150 iaitu, firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ١٥٠

Maksudnya: Sesungguhnya mereka yang ingkar kepada Allah dan rasul-Nya, dan bermaksud membeza-bezakan antara keimanan kepada Allah dan rasul-Nya dengan mengatakan “Kami beriman kepada sebahagian dan kami mengingkari sebahagian yang lain”, serta bermaksud mengambil jalan tengah (iman atau kafir).

Orang kafir yang dimaksudkan di sini menurut al-Tabari (t.th) adalah Yahudi dan Nasrani. Orang Yahudi mempercayai kenabian Nabi Musa AS namun menolak kenabian Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW. Manakala Nasrani menolak kenabian Nabi Muhammad SAW dan hanya menerima kenabian Nabi Isa AS (al-Tabari t.th; Al-Razi 1981; Ibn Asyur 1984). Mereka melampaui batas dalam tindakan mereka dengan memisahkan dan menjuzuk-juzukkan keimanan mereka. Allah menjanjikan bagi mereka azab yang kekal menghinakan dalam neraka (al-Tabari t.th). Allah SWT berfirman lagi dalam Surah al-Ahzab ayat 57:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِينًا ٥٧

Maksudnya: Sesungguhnya mereka yang menyakiti Allah dan rasul-Nya, Allah akan melaknatnya di dunia dan di akhirat, dan disediakan azab yang menghinakan bagi mereka.

Boleh jadi perbuatan menyakiti mereka adalah dengan membuat maksiat (al-Tabari t.th). Manakala al-Sya'rawi (1991) dan al-Baidhawi (1418H) menafsirkan dengan perbuatan yang tidak selayaknya bagi Allah seperti mengatakan Uzair adalah anak Allah dalam Surah al-Taubah ayat 30:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عَزِيزُ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهَوْنَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ

قَبْلَ قَتْلِهِمُ اللَّهُ أَنِّي يُؤْفِكُونَ ٣٠

Maksudnya: Dan orang Yahudi berkata, “Uzair adalah putera Allah”, dan orang Nasrani berkata “al-Masih adalah putera Allah”. Itu adalah ucapan yang keluar daripada mulut mereka. Mereka meniru ucapan orang kafir yang terdahulu. Allah melaknat mereka; bagaimana mereka boleh berpaling dari kebenaran?

Selain itu, mereka menyakiti Rasulullah SAW bermaksud menuduh Rasulullah SAW dengan pelbagai tuduhan. Oleh itu, semua perbuatan yang melanggar batasan yang telah ditetapkan oleh Allah dan rasul-Nya akan disiksa dengan azab yang menghinakan di akhirat kelak. Ini kerana mereka merasa bangga dan tinggi diri semasa melanggar batasan Allah SWT dan menyakiti Rasulullah SAW di dunia, oleh itu mereka akan dibalas dengan kehinaan hasil dari perbuatan mereka.

b. Orang Kafir yang Mempermainkan ‘Ayat’ Allah

Antara perbuatan yang menghinakan yang dilakukan oleh orang kafir semasa di dunia adalah menjadikan ‘ayat’ Allah sebagai bahan senda gurau. ‘Ayat’ yang dimaksudkan di sini adalah tanda-tanda zahir yang boleh dilihat atau difikirkan (al-Asfahani 2009). Perbuatan orang kafir yang mempermainkan ‘ayat’ Allah terdapat dalam 5 ayat. ‘Ayat’ dalam konteks ini adalah mereka menjadikan seruan yang sampai kepada mereka sebagai bahan gurauan. Pertama, dalam Surah al-Jathiyah ayat 9, firman Allah SWT:

وَإِذَا عَلِمَ مِنْ آيَاتِنَا شَيْئًا اتَّخَذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ٩

Maksudnya: Dan apabila dia mengetahui sedikit tentang ayat-ayat Kami, maka (ayat-ayat itu) dijadikan ejekan. Merekalah yang akan menerima azab yang hina.

Khitab ayat ini kembali pada ayat 7 iaitu وَيَلِّ لِكُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ (Celakalah bagi setiap orang yang banyak berdusta lagi banyak berdosa) iaitu kaum musyrikin yang mendustakan dakwah nabi dan menafikan kemukjizatan al-Qur’an (Ibn Asyur 1984). Antara bentuk pendustaan dan dosa yang mereka lakukan adalah dengan mengejek dan memesongkan maksud-maksud ayat sepertimana yang dilakukan Abu Jahal ketika mendengar Surah al-Muddathir ayat 30. Firman Allah SWT:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ٣٠

Maksudnya: Di atasnya ada sembilan belas (malaikat penjaga)

Ayat ini menceritakan tentang Neraka *Saqar*. Abu Jahal dengan angkuhnya mengatakan “Biarkan aku berjumpa dengan mereka secara bersendirian” (Ibn Asyur 1984) iaitu mengejek mengapa neraka itu perlu dijaga oleh 19 malaikat. Abu al-Su‘ud (t.th) pula mengatakan apabila sampai pada mereka ayat-ayat Allah dan mereka mengetahui tu ayat Allah, mereka mempersendakannya. Dan dinyatakan *adhab muhin* dalam ayat ini bersesuaian dengan perbuatan mereka merendah-rendahkan ayat Allah, maka kelak mereka akan ditimpa azab yang merendah-rendahkan mereka.

Seterusnya, dalam Surah al-Hajj ayat 57, firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَأُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ٥٧

Maksudnya: Dan orang kafir dan yang mereka dustakan ayat-ayat Kami, maka mereka akan merasakan azab yang hina.

Orang kafir ditimpakan azab yang menghinakan kerana sifat yang telah disebutkan pada ayat yang sama iaitu mendustakan ayat-ayat Allah (Ibn Asyur 1984). Manakala dalam Surah al-Nisa' ayat 102, firman Allah SWT:

وَإِذَا كُنْتُمْ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِزْبَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ وَذَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَحَدَّةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أذى مِنْ مَطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرَضَى أَنْ تَضَعُوا أَسْلِحَتَكُمْ وَخُذُوا حِزْبَكُمْ إِنَّ اللَّهَ آعَدَ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا ١٠٢

Maksudnya: Dan apabila engkau (Muhammad) berada di tengah-tengah mereka (sahabatmu) lalu engkau hendak melaksanakan solat bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan daripada mereka berdiri (solat) besertamu dan menyandang senjata mereka, kemudian apabila mereka (yang solat besertamu) sujud (telah menyempurnakan satu rakaat) maka hendaklah mereka pindah daripada belakangmu (untuk menghadapi musuh) dan hendaklah datang golongan yang lain yang belum solat, lalu mereka solat dengamu, dan hendaklah mereka bersiap-sedia dan menyandang senjata mereka. Orang kafir ingin agar kamu lalai terhadap senjatamu dan harta-bendamu, lalu mereka menyerbu kamu sekaligus. Dan tidak mengapa kamu meletakkan senjata-senjatamu, jika kamu mendapat sesuatu kesusahan kerana hujan atau kerana kamu sakit, dan bersiap-sedialah kamu. Sesungguhnya, Allah telah menyediakan azab yang menghinakan bagi orang kafir itu.

Ayat ini menceritakan tentang solat *khauf*, disebutkan azab yang menghinakan bagi orang kafir pada akhir ayat ini sebagai penghinaan terhadap mereka. Ini kerana ayat ini menceritakan tentang situasi perang di mana musuh menganggap waktu ini merupakan waktu terbaik untuk mereka menyerang. Mereka menyangka bahawa orang Islam ketika disibukkan dengan hal-hal agama (solat) mereka, sudah tentu mereka tidak akan berhati-hati dengan perkara yang lain (Ibn Asyur 1984). Oleh itu, Allah menjanjikan untuk mengazab orang kafir dengan azab yang menghinakan (Ibn Asyur 1984; Abu al-Su'ud t.th).

Seterusnya, Surah al-Mujadalah ayat 16 menceritakan bagaimana orang munafiq yang menjadikan sumpah mereka sebagai perisai untuk menyembunyikan kenifakan mereka. Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai bahan mainan. Manakala dalam Surah Al-Imran ayat 178, firman Allah SWT:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ خَيْرٌ لَأَنْفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ مُهِينٌ ١٧٨

Maksudnya: Dan jangan sekali-kali orang-orang kafir itu menganggap bahawa tempoh waktu yang Kami berikan kepada mereka lebih baik baginya. Sesungguhnya tempoh waktu yang Kami berikan kepada mereka hanyalah agar dosa mereka semakin bertambah, dan mereka akan mendapat azab yang hina.

Ayat ini menceritakan perihal orang kafir yang datang ke Madinah untuk menakutkan sahabat-sahabat Nabi SAW kerana mereka takut mereka akan terbunuh seperti terbunuhnya orang Islam dalam peperangan Uhud. (al-Razi 1981). *نُملِي* yang berasal daripada perkataan *أَمَلِي* bermaksud panjang umur dan melupakan berkenaan kematian (al-Tabari t.th). Selain itu, Ibn Asyur (1984) menambah dengan kemenangan mereka di Uhud dan korban mereka dalam perang tersebut adalah lebih sedikit. Ketika mereka dipanjangkan umur dan dihiasi mereka dengan keindahan dunia yang menipu, maka bagi mereka azab yang menghinakan di akhirat (Abu al-Su'ud t.th). Disifatkan azab dengan *muhin* di sini kerana orang kafir keluar dari medan perang dalam keadaan bangga dengan kemenangan namun hakikatnya mereka itu akan ditimpa azab yang menghinakan di akhirat (Sya'rawi 1991)

Orang-orang kafir ditimpakan dengan azab yang menghinakan bersesuaian dengan perbuatan mereka yang mengambil mudah dengan agama Allah di dunia. Selain itu, dinisbahkan azab yang menghinakan kepada mereka kerana mereka berbangga dengan perbuatan mereka mempersendakan 'ayat' Allah semasa hidup di dunia. Oleh itu, mereka diazab dengan azab yang menghinakan dan berkekalan di akhirat kelak.

c. Orang Kafir yang Melakukan Transaksi yang Merugikan

Kehidupan di dunia memerlukan manusia untuk melakukan transaksi yang pelbagai bagi menyemai amalan untuk dibawa ke akhirat. Transaksi yang dilakukan di dunia boleh membawa kepada keuntungan mahupun kerugian di akhirat kelak. Perkataan transaksi yang digunakan dalam menceritakan ciri-ciri orang kafir yang ditimpakan dengan azab Allah yang menghinakan adalah perkataan-perkataan seperti membeli (اشترى), menjual (شرى), bakhil (بخل) dan pinjaman (قرض). Ayat-ayat yang dimaksudkan adalah Surah al-Baqarah ayat 90, Surah Luqman ayat 6 dan Surah al-Nisa' ayat 37. Terdapat transaksi yang membawa kepada keuntungan di akhirat kelak dan begitu juga sebaliknya.

Dalam Surah al-Baqarah ayat 90 dan Surah Luqman ayat 6 ada disebutkan perkataan اشترى. Perkataan ini pada asalnya bermaksud membeli iaitu kita perlu membayar untuk mendapatkan barangan dan perkataan شرى dalam al-Qur'an bermaksud menjual (al-Tabari t.th.; Sya'rawi 1991). Namun begitu, konteks ayat juga perlu diteliti untuk menyingkap maksud sebenar perkataan tersebut. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 90:

بِنَسَمًا اشْتَرَوْا بِهَا أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَعِيًّا أَنْ يُنَزَّلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ قَبَاءً وَبِعَضْبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ٩٠

Maksudnya: Sangatlah buruk (perbuatan) mereka menjual dirinya dengan mengingkari apa yang diturunkan oleh Allah kerana dengki bahawa Allah menurunkan kurniaan-Nya kepada siapa yang dikehendaki antara hamba-hamba-Nya. Kerana itulah mereka menanggung kemurkaan demi kemurkaan. Dan kepada orang kafir ditimpakan azab yang menghinakan.

Ayat ini ditujukan kepada Yahudi (Ibn Asyur 1984; Fadhl Hassan Abbas 2017; Sya'rawi 1991). Sya'rawi (1991) menyebut, penggunaan perkataan اشترى di sini adalah kerana mereka ta'sub dengan kebendaan yang asasnya adalah jual beli. Namun hakikatnya, transaksi mereka itu adalah seburuk-buruk transaksi. Ini kerana mereka menukar ganti keimanan dengan kekufuran kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dan balasan transaksi tersebut adalah azab yang menghinakan di akhirat kelak (Ibn Asyur 1984). Seterusnya, Allah berfirman dalam Surah Luqman ayat 6:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ٦

Maksudnya: Di antara golongan manusia, ada yang menggunakan percakapan kosong untuk menyesatkan (manusia lain) daripada jalan Allah tanpa ilmu dan menjadikannya olok-olokan. Mereka itu akan mendapat azab yang hina.

Perkataan اشترى di sini boleh digunakan secara *sarih* dan *kinayah* (Ibn Asyur 1984). Kesesatan yang dilakukan oleh Nadr bin al-Harith dengan menyebarkan cerita-cerita berkenaan *Rustam*, *Isfindiyar* dan *Bahram* adalah bertujuan mengalihkan perhatian orang ramai daripada mendengar kisah-kisah Kaum 'Ad, Thamud dan lain-lain (al-Baidhawi 1418H; Ibn 'Asyur 1984). Manakala secara tersiratnya atau *kinayah*, ayat ini menepelak mereka yang menerima perkhabaran ini dan menyebarkannya kepada manusia. (Ibn Asyur 1984). Seterusnya, Allah berfirman dalam Surah al-Nisa' ayat 37:

الَّذِينَ يَخْلُونِ وَيَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبُخْلِ وَيَكْتُمُونَ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ٣٧

Maksudnya: (iaitu) Orang yang kedekut, dan menyuruh orang lain berbuat kedekut, dan menyembunyikan kurniaan yang telah diberikan Allah kepadanya. Kami telah menyediakan untuk orang kafir azab yang menghinakan.

Transaksi yang digunakan pada ayat ini ialah bakhil. Bakhil bermaksud kesusahan untuk memberi malah boleh juga bermaksud tidak berkongsi sesuatu yang Allah telah kurniakan kepada orang yang memerlukannya (Sya^crawi 1991). Selain itu, ia juga boleh ditafsirkan sebagai menyembunyikan harta mereka dan apa yang mereka ketahui berkenaan kenabian Nabi Muhammad SAW (Abu Su^cud t.th.). Ayat ini diturunkan kepada Yahudi yang menasihati Ansar agar tidak berinfaq kepada Muhajirin (al-Baidhawi 1418H; Abu Su^cud t.th.). Selain itu, ayat ini juga boleh dita^cwilkan sebagai sambungan kepada ayat sebelumnya iaitu *مختالا فخورا* yang bermaksud sombong dan bangga diri. Disebabkan kesombongan itu, mereka dihina dengan azab yang menghinakan dia akhirat kelak (Ibn Asyur 1984).

Dalam ketiga-tiga ayat ini, *adhab muhin* ditimpakan kepada orang-orang kafir yang melakukan transaksi yang merugikan semasa di dunia. Mereka melihat transaksi yang mereka lakukan ini seperti memperoleh keuntungan yang besar di dunia. Di samping itu, mereka juga berbangga dengan transaksi-transaksi mereka ini. Namun, hakikatnya Allah SWT telah menjanjikan azab yang menghinakan di akhirat kelak akibat daripada perbuatan sombong mereka di dunia.

3. Kesimpulan

Menurut al-Tabari (t.th) azab Allah dibahagikan kepada dua bahagian. Azab yang dikhususkan kepada mereka yang kufur kepada Allah dan Rasul dan azab untuk membersihkan muslim yang melakukan dosa. Selepas disucikan dari dosa, mereka akan dimasukkan ke dalam syurga maka azab yang hina tidaklah dinisbahkan kepada mereka. Ini kerana, tujuan penyucian bukanlah untuk menghinakan mereka (al-Maghamisi 2012).

Azab Allah disifatkan dengan *muhin* kerana terdapat juga azab yang bertujuan untuk mendidik dan menyucikan bukanlah untuk menghina. Sepertimana seorang ayah yang memukul anaknya yang kelihatan seperti mengazab anaknya namun bukanlah berniat untuk menghinakan anak itu namun bertujuan mendidik.

Adhab muhin dalam al-Qur'an dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, azab yang tidak dinisbahkan kepada azab Allah yang menghinakan dan didatangkan dalam bentuk *ma^crifah*. Azab ini didatangkan dengan bentuk *ma^crifah* kerana ianya adalah azab menghinakan yang masih boleh dibayangkan dengan akal fikiran. Kedua, azab yang didatangkan dalam bentuk *nakirah* yang dinisbahkan kepada azab Allah. Hal ini adalah kerana azab Allah yang disifatkan dengan hina ini tidak dapat digambarkan bagaimanakah bentuk penghinaannya. Selain bertujuan menghinakan mereka yang ditimpakan dengannya. Ini disebabkan oleh kesombongan, keangkuhan dan sikap mereka yang merendah-rendahkan orang lain semasa di dunia. Ini juga dijelaskan di dalam hadith Nabi SAW:

يُخَسِّرُ الْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْثَالَ الدَّرِّ فِي صُورِ الرِّجَالِ يَعْشَاهُمْ الدُّدُّ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ، فَيَسَاقُونَ إِلَى سَجْنٍ فِي جَهَنَّمَ يُسَمَّى بُولَسَ تَعْلُوهُمْ نَارُ الْأَنْبِيَارِ يُسْقَوْنَ مِنْ عُصَاةِ أَهْلِ النَّارِ طِينَةَ الْحَبَالِ

(*Al-Tirmidhiy, Sunan al-Tirmidhiy, Bab-bab sifat kiamat, hamba dan wara^c: 2491. Hadith Hassan Sahih dan disahihkan oleh Albani*)

Maksudnya: Orang yang sombong akan dikumpulkan pada hari kiamat seperti debu yang berbentuk seperti orang. Mereka dinaungi kehinaan dari segala penjuru, mereka dihalau menuju ke penjara neraka dalam Jahanam yang bernama (Bulas), mereka merasakan panas seperti panasnya air mendidih lantaran api neraka yang mengelilinginya, dan mereka diberikan minum dari sari-sari penghuni neraka, bagaikan tanah liat yang rosak.

Rujukan

Al-Qur'an

Abu al-Su^cud al-'Imadi Muhammad bin Muhammad bin Mustafa. T.th. *Irsyad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.

Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf bin Ali bin Yusuf bin Hayyan. 1420H. *Al-Bahr al-Muhith fi al-Tafsir*. Pentahkik: Sidqi Muhammad Jamil. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Asfahani, Hussain bin Muhammad. T.th. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Pentahkik: Muhammad Said Kailani. Beirut: Dar al-Ma^crifah

- Al-Asfahani, Hussain bin Muhammad. 2009. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Pentahkik: Safwan Adnan Dawudi. T.tp. Dar al-Qalam.
- Al-Baidhawī, Abdullah bin Umar. 1418H. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Maghamisi, Soleh al-Maghamisi. 2012. *Ma'na 'Azab Muhin? Al-Sheikh Soleh al-Maghamisi*. Video. Youtube: Al-Sheikh Soleh al-Maghamisi.
- Al-Razi, Muhammad bin Umar bin al-Hassan bin al-Hussain al-Taimi. 1401H/1981. *Mafatih al-Ghaib al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr lilthiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Samin al-Halabi, Ahmad bin Yusuf. 1996. *Umdah al-Huffaz fi Tafsir Asyraf al-Alfaz*. Pentahkik: Muhammad Basil 'Uyun al-Sud. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. T.th. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Qur'an*. Makkah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.
- Al-Tirmidhiy, Muhammad bin Isa bin Saurah. 1395H/1975. *Sunan al-Tirmizi*. Pentahkik: Ahmad Muhammad Syakir, Muhammad Fuad Abd al-Baqi & Ibrahim 'Athwah. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi wal-Halabi.
- Azhar bin Muhammad. 2005. Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab sebagai Bahasa Al-Qur'an. *Jurnal Teknologi*. 42(E). 61-76.
- Fadhl Hassan Abbas. 1438H/2017. *Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Amman: Jam'iyah al-Muhafadhah 'ala al-Qur'an al-Karim.
- Fuad Ni'mah. T.th. *Mulakhas Qawaid al-Lughah al-'Arabiyyah*. Cet. Ke 24. T.tp. t.pt.
- Ibn Asyur, Muhammad Tahir bin Muhammad bin Muhammad Tahir. 1984. *Tahrir al-Ma'na al-Sadid wa Tanwir al-'aql al-Jadid min Tafsir al-Majid*. Tunis: al-Dar al-Tunsiyah Linnasyr.
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakaria. 1399H/1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Pentahkik: Abd al-Salam Muhammad Harun. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin Ali. 1414H. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Uthaimin, Muhammad bin Soleh al-Uthaimin. 1436H. *Tafsir Al-Qur'an Al-Karim (Surah Saba')*. Saudi: Muassasah al-Sheikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin al-Khairiah. Dalam aplikasi maktabah SHamilah
- Muhammad Alwan Latif. 2018. Takhsis al-Sifah bil Muasuf fi ayat al-Azab fi al-Qur'an al-Karim. *Majalah Adab al-Farahidiy* 2(32): 121-155.
- Muhammad Fuad Abd al-Baqiy. 2009/1426H. *Al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfadh al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Hassan Hassan Jabal. 2010. *Al-Mu'jam al-Isytiqaqi al-Mu'assal li Alfadh al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah al-Adab.
- Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli & Jalal al-Din Abdul Rahman bin Abi Bakar al-Suyuthi. T.th. *Tafsir al-Jalalain*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jubran Mas'ud. 1992. *Al-Raid Mu'jamun Lughawiyun 'Asriyun*. Cet. Ke-7. Beirut. Dar 'Ilm lil Malayin.
- Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. 1441H/1991. *Khawatir al-Sya'rawi haula al-Qur'an/Tafsir al-Sya'rawi*. Kaherah: Al-Azhar Majma' Buhuth al-Islamiyyah.
- <https://tafsir.app/>
- <http://quran.ksu.edu.sa/>